



ANDALAH WIRA NEGARA

BAYARAN BALIK EFT

Apakah *Electronic Fund Transfer (EFT)* ?

- Satu kaedah bayaran balik lebih cukai / duti dengan cara mengkredit terus ke akaun bank pembayar cukai secara elektronik

Kenapa Wujud Bayaran Balik ?

- Lebihan kredit iaitu bayaran cukai melebihi jumlah cukai kena bayar atau cukai dikurangkan
- Bayaran balik dividen di bawah Seksyen 110 Akta Cukai Pendapatan 1967
- Lebihan Bayaran duti setem akibat pembatalan, pengurangan atau pengecualian taksiran.

Makluman Penting

- Isi nama, nombor akaun bank dan nombor pengenalan yang betul di Borang Nyata Cukai Pendapatan / Borang Permohonan Bayaran Balik Duti Setem
- Pastikan nombor akaun bank dan nombor pengenalan adalah betul dan sama dengan maklumat di akaun bank pembayar cukai.
- Pastikan akaun bank yang dilaporkan adalah akaun individu. (Pembayaran melalui akaun bersama tidak dibenarkan bagi kes bayaran balik selain Duti Setem).

Surat Pemberitahuan Melalui Pos atau E-mel Dikeluarkan Di Situasi Berikut :

- Semasa arahan bayaran dikemukakan kepada bank
- Apabila bayaran gagal dikreditkan ke akaun bank penerima

Apakah Kelebihan EFT ?

- Cepat kerana bayaran balik dikreditkan terus ke dalam akaun bank pembayar cukai
- Selamat kerana nombor akaun bank dan nombor pengenalan pembayar cukai (2 kunci autentikasi) disemak sebelum bayaran dikreditkan oleh pihak bank
- Tidak berlaku kehilangan cek atau terlupa menandatangani cek ke bank

Senarai Nombor Pengenalan

- Nombor Kad Pengenalan Baru
- Nombor Tentera / Nombor Polis
- Nombor Pendaftaran Syarikat
- Nombor Pasport

Bank Yang Terlibat Dengan EFT

- Bank-bank perdagangan yang ditubuhkan di Malaysia dan menjadi ahli MyClear IBG

Bantuan EFT

- Hubungi :
 - ✓ Talian Khidmat Pelanggan 1-300-88-3010
 - ✓ Panggilan dari luar negara 603- 4289 3500
- Hadir ke cawangan LHDNM yang berdekatan

www.hasil.gov.my

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

1-300-88-3010

PENAFIAN

Isi-isi ini disediakan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan.